

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 105

SURATKHABAR-SURATKHABAR

TEMPATAN

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Pendaftaran suratkhabar-suratkhabar
4. Penggantungan pendaftaran
5. Pendaftar boleh menolak atau menggantung pendaftaran suratkhabar tempatan dalam keadaan-keadaan tertentu
6. Pendaftar boleh menolak atau menggantung pendaftaran agensi akhbar dalam keadaan-keadaan yang tertentu
7. Terbitan berita-berita palsu
8. Adalah menyalahi undang-undang untuk memberi keterangan yang tidak betul

9. Cabutan yang diperakui dari daftar suratkhabar boleh diterima sebagai keterangan
10. Pengeledahan, pengambilan dan perampasan
11. Tanggungjawab tuan punya, pencetak, penerbit dan penyunting yang diwakilkan
12. Penyampaian surat perintah
13. Naskhah-naskhah suratkhabar-suratkhabar hendak-lah dihantar kepada Pengarah Penerangan
14. Penghentian penerbitan dsb.
15. Peraturan-peraturan

AKTA SURATKHABAR-SURATKHABAR TEMPATAN

Suatu Akta bagi memperuntukkan pendaftaran suratkhabar-suratkhabar yang dicetak di Brunei termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan pengumpulan dan terbitan berita-berita dan pengedaran suratkhabar-suratkhabar.

11 tahun 1958
S.99/59

Permulaan kuatkuasa : 1hb Januari, 1959

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Suratkhabar-Suratkhabar Tempatan.

Gelaran
pendek

2. Dalam Akta ini —

Tafsiran

“suratkhabar tempatan” bermakna suatu suratkhabar yang dicetak di Brunei ;

“suratkhabar” bermakna sebarang terbitan yang mengandungi berita, laporan-laporan kejadian-kejadian, atau sebarang pendapat, peninjauan atau ulasan, yang berkaitan dengan berita-berita demikian, risikan atau kejadian-kejadian, atau mana-mana perkara lain bagi kepentingan awam, yang dicetak untuk jualan atau pengedaran percuma dengan jangka waktu yang tetap atau tidak tetap dan termasuk suatu tambahan kepadaanya tetapi tidak termasuk sebarang terbitan yang dikeluarkan oleh atau di bawah pihak berkuasa Kerajaan atau mana-mana pertubuhan awam ;

“Pendaftar” bermakna seseorang pegawai sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk bertindak sebagai Pendaftar Suratkhabar-Suratkhabar, dan termasuk mana-mana orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk bertindak sebagai Timbalan Pendaftar Suratkhabar-Suratkhabar.

Pendaftaran
suratkhabar-
suratkhabar

3. (1) Setiap suratkhabar tempatan hendaklah didaftar menurut peraturan-peraturan yang dibuat bagi pihak itu di bawah Bab 15 dan jika melanggar peruntukan ini adalah menjadi suatu kesalahan : Hukuman, penjara selama 12 bulan dan didenda sebanyak \$10,000.
- (2) (a) Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan dari ceraian (8) dan (11), suratkhabar tidak boleh, tanpa perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, didaftar sehingga suatu deposit sebanyak \$50,000 telah dibuat kepada Pendaftar oleh atau bagi pihak orang yang membuat pendaftaran tersebut.
- (b) Perkenan sedemikian boleh diberi tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia patut untuk dikenakan dan deposit tersebut semasa dalam kawalan Pendaftar, hendaklah mendapat faedah pada kadar sebagaimana yang ditetap.
- (3) Wang yang didepositkan dengan kuatkuasa ceraian (2) hendaklah dapat diperolehi untuk membayar sebarang denda yang dikenakan terhadap tuan punya, pencepat, penerbit atau penyunting suratkhabar berkenaan, sama ada di bawah Akta ini atau berhubung dengan mana-mana perkara yang dikeluarkan dalam suratkhabar tersebut, dan juga hendaklah dapat diperolehi untuk membayar sebarang gantirugi yang mungkin diaward dalam mana-mana tindakan bagi fitnah bertulis berhubung dengan sebarang perkara yang dikeluarkan dalam suratkhabar tersebut dan kos bagi sebarang tindakan sedemikian.
- (4) Pendaftar boleh mengarahkan supaya keseluruhan daripada wang demikian atau sebahagian daripadanya sebagaimana yang perlu dibayar berhubung dengan denda, gantirugi atau kos-kos sedemikian.

(5) Bila sebarang wang telah dibayar di bawah ceraian (4) Pendaftar boleh, atas budibicaranya, menggantungkan pendaftaran suratkhabar yang berkenaan sehingga suatu deposit telah dibuat kepadanya, berhubung dengan suratkhabar yang berkenaan, sama dengan jumlah yang dibayar menurut budibicaranya, dan semasa tempoh penggantungan itu suratkhabar tersebut hendaklah dianggap tidak berdaftar.

(6) Tuan punya mana-mana suratkhabar tempatan boleh, pada bila-bila masa, memberi notis kepada Pendaftar bahawa dia menghendaki pendaftaran suratkhabar tersebut untuk dihentikan dan Pendaftar boleh, setelah menerima notis demikian, membatalkan pendaftaran tersebut dan suratkhabar tersebut hendaklah terhenti pendaftarannya mulai dari tarikh pembatalan demikian.

(7) Setelah tamat tempoh 6 bulan dari tarikh mana-mana pembatalan pendaftaran demikian atau, atas budibicaranya, sebelum tamat tempoh tersebut, Pendaftar boleh mengarahkan supaya jumlah yang telah dideposit berhubung dengan suratkhabar tersebut, atau beberapa daripada jumlah yang masih dideposit itu, dibayar kepada orang yang berhak untuk menerima jumlah yang dideposit itu.

(8) Adalah sah bagi Pendaftar untuk menerima sebagai ganti deposit sebanyak \$50,000 suatu jaminan dalam jumlah itu, dengan penjamin-penjamin yang mencukupi yang dibenarkan oleh Pendaftar, dipersyaratkan bagi pembayaran bagi sebarang denda yang mungkin dikenakan kepada tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting suratkhabar yang berkenaan sama ada di bawah Akta ini atau berhubung dengan mana-mana perkara yang diterbitkan dalam suratkhabar tersebut dan juga bagi pembayaran mana-mana ganti-rugi yang mungkin dikenakan dalam sebarang tindakan bagi fitnah bertulis berhubung dengan sebarang perkara yang diterbitkan dalam suratkhabar tersebut dan kos-kos bagi sebarang tindakan sedemikian.

(9) Jika Pendaftar telah menerima suatu jaminan sebagai ganti deposit yang disebut dalam ceraian (2), Pendaftar boleh, atas budibacaranya, menuntut deposit demikian dan boleh menggantungkan pendaftaran suratkhabar yang berkenaan sehingga deposit tersebut telah dibuat kepadanya dan semasa mana-mana penggantungan itu suratkhabar tersebut hendaklah dianggap tidak berdaftar.

(10) Apabila membuat, menurut ceraian (9), suatu deposit, tanggungan bagi jaminan tersebut hendaklah dianggap telah selesai.

(11) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh, secara notis bertulis yang ditulis oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, mengecualikan mana-mana suratkhabar daripada peruntukan-peruntukan dari perenggan (a) ceraian (2) dan ceraian (8).

Peng-
gantungan
pendaftaran

4. (1) Seorang Majistret boleh, atas permohonan dari Pendakwa Raya memerintah penggantungan pendaftaran bagi mana-mana suratkhabar tempatan bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan jika —

(a) suratkhabar yang berkenaan telah menerbitkan mana-mana perkara yang dikira atau yang ada kemungkinan untuk meyakinkan atau memujuk mana-mana orang atau orang-orang sama ada secara individu atau sebagai ahli-ahli orang awam atau sebagai suatu golongan atau bahagiannya —

- (i) untuk melakukan suatu kesalahan ; atau
- (ii) untuk menjadi ahli, memberi sumbangan untuk menyokong, mengambil untuk, mencuba untuk menukar agama atau pendirian politik seseorang bagi pihak atau dengan cara lain menyokong mana-mana pertubuhan yang tidak sah dalam bidang makna Akta Pertubuhan-Pertubuhan ;

(b) pencetak, penerbit atau penyunting yang telah disabitkan kesalahannya melakukan, berhubung dengan apa jua yang diterbitkan dalam suratkhabar itu —

- (i) mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Penggal VI dari Kanun Hukuman Jenayah ; Penggal 22
- (ii) mana-mana kesalahan terhadap Bab 4 dari Akta Hasutan ; Penggal 24
- (iii) mana-mana kesalahan terhadap Bab 4 dari Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak Diingini ; Penggal 25
- (iv) mana-mana kesalahan yang sifatnya memudaratkan keselamatan Negara Brunei Darussalam ; atau
- (v) mana-mana kesalahan yang sifatnya memudaratkan penjagaan keamanan dan ketenteraman awam.

(2) Seorang Majistret boleh, atas permohonan dari Pendakwa Raya, memerintah bahawa sementara menunggu keputusan mana-mana perbicaraan terhadap pencetak, penerbit, atau penyunting sebuah suratkhabar bagi mana-mana kesalahan yang dinyatakan atau disebut dalam ceraian (1) —

(a) terbitan bagi suratkhabar itu hendaklah digantung ; atau

(b) suratkhabar itu tidak boleh menerbitkan mana-mana perkara yang berkaitan dengan tajuk-tajuk sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam perintah tersebut, sebagai tajuk-tajuk yang berhubung dengan atau berkaitan dengan kesalahan yang perbicaraannya belum lagi selesai yang dituduh telah dilakukan atau sebagai tajuk yang sama atau yang berkaitan.

(3) Adalah menjadi kesalahan —

(a) untuk melanggar suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (2) :

(b) untuk mencetak, menjual atau menawarkan untuk menjual atau mengedarkan mana-mana suratkhabar yang mana terbitannya, atau mana-mana terbitan perkara-perkara dalam mana, menjadi suatu kesalahan oleh sebab ceraian ini :

(c) semasa sahnya mana-mana perintah demikian untuk memindah dari tempat di mana suratkhabar tersebut berada apa-apa barang yang Pesuruhjaya Polis diarahkan oleh ceraian (4) untuk merampas atas suatu perintah yang menggantungkan pendaftaran :

Hukuman, penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$5,000.

(4) Bila suatu perintah dibuat di bawah ceraian (1) Pesuruhjaya Polis, atau mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa olehnya secara bertulis yang telah ditandatanganinya, hendaklah merampas dan menahan semua mesin, taip, perkakas-perkakas, kertas, bahan-bahan cetakan, bahan-bahan tulisan, buku-buku, dokumen-dokumen, penulisan-penulisan, barang-barang dan benda-benda yang digunakan untuk mengeluarkan suratkhabar yang pendaftarannya telah digantung.

(5) Pesuruhjaya Polis, atau mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa olehnya secara bertulis yang telah ditandatanganinya, boleh memindah apa-apa barang yang dia diarahkan oleh ceraian (4) untuk merampas di tempat atau tempat-tempat di dalam Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang difikirkannya patut dan untuk menyimpan barang-barang tersebut selama adanya perintah sedemikian.

(6) Tiada perintah di bawah Bab ini boleh dibuat melainkan tuan punya atau penyunting suratkhabar tempatan yang berkaitan kepada mana suatu permohonan dibuat telah diberi suatu peluang untuk menunjukkan sebab untuk menentang perbuatan perintah sedemikian.

5. (1) Dalam waktu sesuatu perintah bagi penggantungan pendaftaran sesebuah suratkhabar di bawah Bab 4 berjalan kuatkuasanya, Pendaftar boleh sama ada menolak untuk mendaftar, atau, secara notis bertulis, menggantung pendaftaran, mana-mana suratkhabar tempatan yang lain yang, pada pendapatnya, adalah pada keseluruhannya di bawah pengurusan, arahan atau kawalan yang sama seperti suratkhabar yang dinyatakan pada mulanya.

Pendaftar
boleh
menolak
atau
menggantung
pendaftaran
suratkhabar
tempatan
dalam
keadaan-
keadaan
tertentu

(2) Barangsiapa yang musykil dengan keputusan Pendaftar di bawah ceraian (1) boleh merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat yang mana boleh sama ada menetapkan atau membatalkan keputusan sedemikian.

6. (1) Dalam waktu sesuatu perintah bagi penggantungan pendaftaran sesebuah suratkhabar tempatan di bawah Bab 4 berjalan kuatkuasanya, Pendaftar boleh sama ada menolak untuk mendaftar, atau secara notis bertulis, menggantung pendaftaran, mana-mana agensi berita yang dikehendaki untuk didaftar oleh mana-mana peraturan di bawah Bab 15, yang mana tuan punya, pencetak, penerbit, penyunting atau pengurusannya ada berkaitan dengan mana-mana kedudukan sedemikian dengan suratkhabar tersebut.

Pendaftar
boleh
menolak
atau
menggantung
pendaftaran
agensi
akhbar
dalam
keadaan-
keadaan
yang
tertentu

(2) Barangsiapa yang musykil dengan keputusan Pendaftar di bawah ceraian (1) boleh merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat yang mana hendaklah sama ada menetapkan atau membatalkan keputusan sedemikian.

Terbitan
berita-
berita palsu

7. (1) Barangsiapa yang menyiaran dalam mana-mana suratkhabar tempatan berita-berita palsu yang ada kemungkinan menggemparkan pendapat orang ramai atau mengganggu ketenteraman awam adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, penjara selama satu tahun atau denda \$10,000.

(2) Pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap ceraian (1) tidak boleh dimulakan kecuali secara atau dengan kebenaran Pendakwa Raya.

(3) Seseorang tidak boleh disabitkan kesalahan di bawah ceraian (1) jika dia membuktikan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa sebelum terbitan tersebut dia telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memeriksa kebenaran berita tersebut.

Adalah
menyalahi
undang-
undang
untuk
memberi
keterangan
yang tidak
betul

8. (1) Barangsiapa yang memperakui betulnya mana-mana keterangan yang diberikan menurut mana-mana kehendak yang dibuat di bawah Akta ini, jika keterangan demikian adalah tidak betul, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, penjara selama 6 bulan dan denda \$5,000.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan kepada suatu tuduhan di bawah ceraian (1) untuk membuktikan —

(a) bahawa orang yang dituduh mempercayai bahawa keterangan tersebut adalah betul ; dan

(b) bahawa setelah berusaha dengan sedaya upayanya dia tidak mengetahui akan kesalahannya.

Cabutan
yang
diperakui
dari daftar
suratkhabar
boleh
diterima
sebagai
keterangan

9. Dalam mana-mana perbicaraan apa jua pun terhadap tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting mana-mana suratkhabar tempatan, adalah sah bagi pengadu atau pihak menuntut untuk menyerahkan sebagai keterangan mana-mana catatan atau cabutan yang telah diperakui daripada mana-mana daftar suratkhabar tempatan, sama ada —

(a) sebagai bukti mengenai kebenaran perkara-perkara yang dinyatakan dalam catatan atau cabutan sedemikian ; atau

(b) sebagai bukti bahawa keterangan-keterangan yang terbit dalam catatan atau cabutan demikian telah diberikan dan diperakui oleh pihak pemberitahu yang dimaksudkan oleh mereka yang telah memberi dan memperakuinya.

10. (1) Adalah sah bagi mana-mana majistret untuk memberikan suatu waran kepada mana-mana pegawai polis untuk memasuki mana-mana tempat atau naik ke dalam mana-mana kapal atau kapal terbang di dalam atau di atas mana pelanggaran terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah ini nampaknya telah dilakukan, dan untuk menggeledah tempat atau kapal atau kapal terbang tersebut.

(2) Setiap waran demikian hendaklah berkuatkuasa bagi memberi kuasa kepada semua pegawai polis untuk memasuki tempat demikian atau untuk memasuki kapal atau kapal terbang dan untuk menggeledah tempat, kapal atau kapal terbang tersebut dan untuk mengambil apa jua barang berhubung dengan mana sebarang pelanggaran Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ini yang nampaknya telah dilakukan atau yang nampaknya atau yang mengan-dungi bukti tentang sebarang pelanggaran sedemikian.

(3) Adalah sah bagi seorang majistret, setelah menerima notis demikian, jika ada, sebagaimana yang difikirkan-nya patut, untuk memerintah bagi dirampas apa jua barang yang berhubung dengan mana suatu kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawah ini telah dilakukan.

(4) Mana-mana barang yang dirampas sedemikian hendaklah diselesaikan dengan cara sebagaimana yang di-arahkan oleh Pesuruhjaya Polis.

Pengeleda-han,
pengambilan
dan
perampasan

(5) Adalah sah bagi Pendaftar dan mana-mana orang yang dilantik oleh Pendaftar secara bertulis yang telah ditandatanganinya pada bila-bila waktu yang munasabah untuk memasuki mana-mana tempat daripada mana suratkhabar-suratkhabar diedarkan atau dijual dan untuk memeriksa dan membaca dan mengambil satu naskhah suratkhabar yang didapati di tempat tersebut.

(6) Mana-mana pegawai polis yang berada dengan sahnya di mana-mana bangunan atau tempat sama ada menurut mana-mana waran atau apa jua cara lain boleh mengalih dan menahan mana-mana barang berhubung dengan mana suatu kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawah ini nampaknya telah dilakukan dan yang mana nampaknya sebagai atau mengandungi bukti tentang berlakunya mana-mana kesalahan sedemikian.

Tanggung-jawab tuan punya, pencetak, penerbit dan penyunting yang diwakilkan

11. Dalam perbicaraan tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting, dari mana-mana suratkhabar, bagi mana-mana kesalahan dalam mana bahannya adalah penerbitan perkara yang terkandung dalam mana-mana keluaran bagi suratkhabar demikian orang yang tertuduh hendaklah dianggap telah menerbitkan semua perkara yang terkandung dalam keluaran sedemikian, menurut mana-mana yang berkenaan kecuali jika dia membuktikan bahawa penerbitan tersebut telah dibuat tanpa kebenaran, keizinan atau pengetahuannya, dan bahawa penerbitan tersebut tidak timbul dari sebab kurang jagaan atau perhatiannya yang sepatutnya.

Penyampaian surat perintah

12. Tanpa menyentuh mana-mana cara penyampaian yang lain, mana-mana surat perintah apa jua pun, sivil atau jenayah, yang ditujukan kepada tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting mana-mana suratkhabar tempatan hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan dengan sempurna jika ianya ditinggal dengan orang dewasa di, atau dikirim secara pos berdaftar kepada, alamat pejabat yang berdaftar bagi suratkhabar tersebut.

13. (1) Penerbit setiap suratkhabar tempatan hendaklah, secepat mana yang mungkin selepas sebarang penyunting atau pengubahan cetakan bagi suratkhabar demikian diterbitkan, menyebabkan untuk dihantar 3 naskhah suratkhabar tersebut kepada Pengarah Penerangan, atau pegawai lain sebagaimana yang diberikuasa dalam perkara tersebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

Naskhah-
naskhah
suratkhabar-
suratkhabar
hendaklah
dihantar
kepada
Pengarah
Penerangan

(2) Seseorang penerbit yang gagal untuk mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$500.

14. Jika mana-mana suratkhabar tempatan menghentikan penerbitan, atau mana-mana agensi akhbar berhenti menge luarkan siaran-siaran rasmi, bagi suatu tempoh yang berturut-turut tidak kurang dari 6 bulan, pendaftarannya di bawah mana-mana peraturan yang berkuatkuasa pada ketika itu hendaklah dianggap telah terhenti.

Penghentian
penerbitan
dsb.

15. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat peraturan-peraturan untuk menguat kuasakan Akta ini dan terutama sekali dan tanpa menyentuh keluasan syarat tadi peraturan-peraturan demikian boleh memperuntukkan bagi —

Peraturan-
peraturan

(a) pendaftaran suratkhabar-suratkhabar tempatan dan agensi-agensi berita dan tuan punya-tuan punya, pencetak-pencetak, penerbit-penerbit dan penyunting-penyunting suratkhabar-suratkhabar tempatan dan agensi-agensi berita tersebut ;

(b) pelesenan bagi pengedar-pengedar suratkhabar-suratkhabar tempatan ;

(c) larangan bagi pengedaran suratkhabar-suratkhabar tempatan kecuali oleh pengedar-pengedar yang berlesen ;

- (d) peraturan pengedaran dengan atau dalam suratkhabar-suratkhabar bagi dokumen-dokumen yang tidak menjadi suatu bahagiannya yang penting ;
- (e) keterangan-keterangan yang patut diberikan berhubung dengan pendaftaran atau pelesenan, pemerkahan tentang sebarang penukaran dalam keterangan-keterangan yang diperlukan dan cara dalam mana dan syarat-syarat terhadap mana kuatkuasa boleh diberikan atau enggan untuk diberikan, kepada sebarang penukaran sedemikian ;
- (f) cara dalam mana identiti pencetak bagi mana-mana suratkhabar tempatan dan waktu percetakan atau penerbitan hendaklah ditetapkan dan, terutama sekali, bagi percetakan nama dan alamat pencetak dan penerbit dalam mana-mana suratkhabar-suratkhabar sedemikian ;
- (g) pengenalan bagi wakil-wakil akhbar atas permintaan mereka dengan memberikan pas-pas atau sebaliknya dengan kebenaran sebagaimana yang ditetapkan ;
- (h) memberi pengecualian daripada semua atau mana-mana peruntukan dari Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini ;
- (i) bayaran-bayaran dan wang-wang pendahuluan ;
- (j) borang-borang sama ada sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti borang dalam Jadual tersebut ;
- (k) menetapkan apa jua pun yang dikehendaki oleh Akta ini untuk ditetapkan.

UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

Peraturan-Peraturan di bawah Bab 15

PERATURAN-PERATURAN SURATKHABAR TEMPATAN

11 tahun 1958
Jadual
S.99/59

Permulaan kuatkuasa : 1hb April, 1958

- | | |
|---|--|
| <p>1. Peraturan-peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Suratkhabar Tempatan.</p> <p>2. Setiap suratkhabar tempatan hendaklah didaftarkan menurut peraturan-peraturan ini.</p> <p>3. Untuk menguatkuaskan pendaftaran salah seorang daripada orang-orang yang dinyatakan dalam peraturan 4 hendaklah memberi kepada Pendaftar butir-butir yang dinyatakan dalam Borang dalam Jadual tersebut dan butir-butir lainnya (termasuk contoh tandatangan dan gambar foto) tuan punya, pencetak, penerbit dan penyunting mana-mana suratkhabar sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar, menurut budibicara yang sepenuhnya, dan hendaklah memperakui betulnya butir-butir tersebut dan penjelasan dari dirinya sendiri.</p> <p>4. Butir-butir yang dinyatakan hendaklah diberi dan diperakui oleh tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting suratkhabar tersebut.</p> <p>5. Jika berlaku sebarang perubahan, atau jika sebarang kenyataan yang tidak tepat didapati, dalam mana-mana butir yang dinyatakan, orang-orang yang dinyatakan dalam peraturan 4 hendaklah, dalam masa 7 hari, memberi butir-butir pengganti kepada Pendaftar dan hendaklah memperakui tepatnya butir-butir pengganti tersebut dan penjelasan dari diri mereka sendiri :</p> <p style="padding-left: 2em;">Dengan syarat bahawa jika salah seorang dari orang-orang tersebut mematuhi kehendak-kehendak peraturan ini tanggungan yang dikenakan oleh peraturan tersebut terhadap mana-mana orang lain hendaklah dianggap telah ditunaikan berhubung dengan butir-butir pengganti yang diberikan sedemikian.</p> <p>6. Sesuatu pertukaran hendaklah dianggap telah berlaku dalam identiti penyunting jika penyunting tersebut tidak ada dalam Brunei atau jika dia sesungguhnya berhenti untuk menjalankan tugas-tugas seorang penyunting.</p> | <p>Gelaran</p> <p>Pendaftaran suratkhabar-suratkhbar</p> <p>Butir-butir hendaklah diberikan kepada Pendaftar (Borang dalam Jadual)</p> <p>Butir-butir hendaklah diperakui oleh tuan punya, dsb.</p> <p>Butir-butir pengganti hendaklah diberi dan diperakui bila berlaku sebarang perubahan atau bila sebarang kenyataan yang tidak tepat didapati</p> <p>Pertukaran identiti penyunting</p> |
|---|--|

[Tambahhan]

Bagaimana suatu perakuan diberi dalam hal sebuah syarikat atau firma

7. Jika butir-butir tersebut diberi oleh sebuah syarikat perakuan hendaklah diberi oleh seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain syarikat tersebut, dan, jika butir-butir tersebut diberi oleh sebuah firma, perakuan hendaklah diberi oleh seorang rakan kongsi firma tersebut.

Pencetakan dan penerbitan ditegah kecuali peraturan-peraturan dipatuhi

8. Tiada sesiapa pun boleh membenar atau menerbitkan atau bertindak sebagai penyunting bagi, atau terus mencetak atau menerbitkan atau bertindak sebagai penyunting bagi, mana-mana suratkhabar tempatan kecuali semua kehendak peraturan-peraturan ini berhubung dengan suratkhabar sedemikian telah dipatuhi :

Dengan syarat bahawa ianya tidak akan menjadi suatu pelanggaran peraturan ini jika gagal untuk mendaftar sebagai suatu suratkhabar yang berasingan suatu kepingan berita atau kepingan-kepingan yang menjadikan, pada pendapat Pendaftar, suatu edisi atau edisi-edisi yang terke mudian bagi suatu suratkhabar berita yang berdaftar.

Daftar suratkhabar

9. Butir-butir yang diberikan menurut peruntukan dari peraturan-peraturan ini hendaklah disimpan oleh Pendaftar sebagai suatu daftar bagi daftar-daftar suratkhabar-suratkhabar tempatan.

Bayaran untuk carian, pemeriksaan dan cabutan dari daftar

10. Mana-mana orang boleh mencari dan memeriksa sebarang daftar suratkhabar-suratkhabar tempatan setelah membayar \$1 bagi setiap carian dan pemeriksaan sedemikian dan mana-mana orang boleh menghendaki suatu cabutan daripada mana-mana daftar tersebut untuk diperakui oleh Pendaftar setelah membayar \$5 bagi setiap cabutan sedemikian.

Pendaftar hendaklah mengirimkan salinan-salinan butir-butir

11. Apabila mana-mana suratkhabar tempatan telah didaftarkan, dan setelah mana-mana butir-butir pengganti diberikan, Pendaftar hendaklah mengirim secara pos berdaftar satu salinan butir-butir atau butir tersebut kepada setiap orang yang disebut dalam butir-butir atau butir tersebut, dialamatkan kepada alamat-alamat atau alamat yang dinyatakan dalam butir-butir atau butir tersebut.

Bayaran pendaftaran, dsb.

12. Bayaran sebanyak \$25 hendaklah dibayar ketika pendaftaran di bawah peraturan 2 berkenaan hal ini dan bayaran selanjutnya sebanyak \$25 hendaklah dibayar bagi setiap tahun selain dari bayaran pertama dalam mana pendaftaran sedemikian masih berjalan kuatkuasanya.

(2) Bayaran tambahan tersebut hendaklah dibayar pada hari ulangtahun bilamana pendaftaran telah dibuat.

(3) Bayaran sebanyak \$5 hendaklah dibayar pada setiap kali bila-mana butir-butir pengganti adalah dikehendaki untuk diberikan di bawah peraturan 5.

13. Dokumen bercetak, selain dari suatu suratkhabar atau suatu dokumen yang biasanya menjadi sebahagian dari suatu suratkhabar, tidak boleh diedarkan dalam atau dengan suratkhabar tersebut tanpa kebenaran Pendaftar.

Pengedaran
suratkhabar-
suratkhabar
sahaja

14. Kadar faedah yang dibayar terhadap deposit-deposit yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan dari Bab 3 Akta tersebut hendaklah sebanyak dua setengah peratus setahun.

Kadar
faedah
terhadap
deposit

15. Menteri boleh mengecualikan mana-mana suratkhabar dari semua atau mana-mana peruntukan dari peraturan ini.

Pengecualian

16. Mana-mana orang yang melanggar peraturan 8 hingga 13 adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$1,000.

Kesalahan
dan
hukuman

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

18

PENG. 105 Suratkhabar-Suratkhabar Tempatan

[Tambahan]

JADUAL

(Peraturan 3)

Penggal 105

Akta Suratkhabar-Suratkhabar Tempatan, Penggal 105

Peraturan-Peraturan Suratkhabar Tempatan

| | |
|---|-------|
| Nama Suratkhabar | |
| Alamat Pejabat Suratkhabar | |
| Kekerapan Penerbitan (harian, mingguan atau sebaliknya) | |
| Alamat Perniagaan Tuan Punya | |
| Alamat Kediaman Tuan Punya | |
| Alamat Perniagaan Pencetak Penerbit (jika lain dari Pencetak) | |
| Penyunting | |
| Alamat Perniagaan Penyunting | |
| Tarikh | |

Saya mengesahkan bahawa butir-butir di atas adalah betul dan
bahawa saya adalah

Tandatangan Pemberitahu

Tandatangan Pendaftar